

B B370 AAB
MAHATHIR-MPHB R' R' R'

1

KUALA LUMPUR, 18 APRIL (BERNAMA) - - PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA KERAJAAN TIDAK AKAN MENYEKAT TAWARAN AMBILALIH MUTI-PURPOSE HOLDINGS BHD (MPHB) OCEH HUME KERANA BERPENDAPAT IA SEMATA-MATA +SATU TINDAKAN KOMERSIL+.

DALAM KENYATAAN YANG DIKELUARKAN DI SINI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TIDAK AKAN CAMPUR TANGAN SELAGI TAWARAN ITU MEMENUHI KEPENTINGAN PARA PEMEGANG SAHAM YANG TERLIBAT DAN DIBUAT MENGIKUT UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN-PERATURAN NEGARA INI.

TAWARAN ITU YANG BELIAU MENYIFATKAN SEBAGAI +PERKARA BIASA+, TIDAK MELANGGAR ETIKA PENGAMBILANALIH DAN PENGGABUNGAN, DATUK SERI DR MAHATHIR MENAHBAB KATA.

PERDANA MENTERI BERKATA PERLU DIBUAT PENJELASAN TENTANG PENDAPAT KERAJAAN MENGENAI PERKARA ITU HEHANDANGKAN MINAT YANG DICETUSKAN TERMASUK TUDUHAN BAHAWA TAWARAN ITU BERTHOTIF POLITIK.

+SAYA BERASA AMAT KESAL BAHAWA ADA PIHAK-PIHAK TERTENTU YANG CUBA HENJADIKAN TAWARAN HUME UNTUK MENGAMBILALIH HPHB SEBAGAI ISU PERKAUHAN MELAYU-CINA+, BELIAU BERKATA.

+PADA MASA-MASA YANG LEPAS, SAYA TIDAK MEMPEDULIKAN KHABAR-KHABAR ANGIN DARI PASARAN SAHAM. BAGAIMANAPUN KHABAR-KHABAR ANGIN MENGENAI HUME DAN MPH B MEMPUNYAI IMPLIKASI SERIUS B A G 1 KEHARMONIAN KAUM DI MALAYSIA,+ BELIAU HENAMBAH KATA.-- LAGI
1707MST 18 04 89

B B585 A A B
MAHATHIR-HPHB 2 KUALA LUHPUR R' R' R'

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA ADALAH +TIDAK MUNASABAH+ UNTUK MENGATAKAN BAHAWA UHNO' ATAU HENTERI KEWANGAN, ATAU KERAJAAN, DI SEBALIK TAWARAN HUME, SAMBIL MENAMBAH KATA BAHAWA SEPERTI YANG DIKETAHUI BAHAWA UHNO TIDAK LAGI HEMPUNYAI TABUNG KEWANGAN DAN ASET BERIKUTAN KEPUTUSAN MAHKAHAH BAHAWA UMNO IALAH SEBUAH PERTUBUHAN HARAM.

KESEMUA ASET UHNO SEKARANG BERADA DI DALAN TANGAN PECAWAI PEMEGANG HARTA DAN UMNO YANG TELAH DIDAFTARKAN SEHULA TIDAK BERHAK KEPADA ASET-ASET ITU DAN OLEH ITU + TIDAK MAMPU UNTUK MEMBELI SAHAM YANG SEBEGITU BESAR YANG DIKATAKAN BERTARIFA LEBIH DARIPADA \$1 RIBU JUTA ATAU MENYOKONG SESIAPA UNTUK BERBUAT DEMIKIAN+, BELIAU BERKATA.

BELIAU BERKATA MINAT HENTERI KEWANGAN DAN KERAJAAN IALAH SEMATA-MATA UNTUK MENENTUKAN WANG ORANG RAMAI DIURUSKAN DENGAN BAIK DEMI KEPENTINGAN NEGARA KESELURUHANNYA.

BELIAU BERKATA KERAJAAN SETAKAT INI TELAH MELULUSKAN PINJAMAN BERJUMLAH 8400 JUTA KEPADA KOPERASI SERBAGUNA (MALAYSIA) BERHAD (KSM) -- CABANG PELABURAN HCA DAN PEHEGANG KIRA-KLRA 50 PERATUS DARIPADA SAHAM MPH B -- SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA PERUNTUKANNYA SEBANYAK \$1 RIBU JUTA UNTUK MENYELAMATKAN KOPERASI PENGAMBILAN DEPOSIT (KPD).

PERDANA MENTERI MENAMBAH KATA IDEA MEMBELANJAKAN \$400 JUTA UNTUK MEWYELAMATKAN SEBUAH SYARIKAT YANG +TELAH DISALAHURUSKAN OLEH BEBERAPA ORANG + HANYA BOLEH DILAKUKAN JIKA TIDAK ADA JALAN LAIN MEMGEMBALIKAN KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM WANG YANG MEREKA HILANG MELALUI KESALAHAN PENGURUSAN.-- LAGI
1729MST 18 04 89

D.3.0

B 8594 AAB
MAHATHIR-MPHB 3 KUALA LUMPUR R'R'R'

TETAPI, BELIAU HENAMBAH KATA, OLEH KERANA PENGAMBILANALIH OLEH SESEBUAH SYARIKAT BUKAN KERAJAAN BOLEH MENCAPAI MATLAMAT YANG SAMA, KERAJAAN MESTI MENGALU-ALUKAN LANGKAH ITU SELAGIANYA DILAKUKAN MENURUT UNDANG-UNDANG DAN DENGAN BETUL.

+KERAJAAN TIDAK BOLEH CAMPURTANGAN DAN MENGHALANG SESUATU URUSAN KOMERSIL TERUTAMA APABILA URUSAN TERSEBUT BOLEH MENIMATKAN WANG ORANG RAMAI, + BELIAU BERKATA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAGI PIHAK KERAJAAN, SESIAPA SAHAJA YANG MEMPUNYAI HAK MENGIKUT UNDANG-UNDANG UNTUK MENGAMBILALIH SYARIKAT, BOLEH BERBUAT DEMIKIAN.

BELIAU MENAMBAH KATA KERAJAAN + AKAN GEMBIRA+ SEKIRANYA ADA PIHAK YANG LAIN YANG BERSEEDIA UNTUK MEMBUAT TAWARAN YANG LEBIH BAIK DAN TAWARAN ITU PULA ADALAH BAGI KEPENTINGAN PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM.

DEMI MENJAGA KEPENTINGAN PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM, KERAJAAN YAKIN BAHAWA PIHAK PENANGGUNG TIDAK AKAN MENJUAL SAHAM-SAHAM YANG DIPEGANG MEREKA PADA HARGA YANG DIANGGAP TIDAK BERPATUTAN.

+KEPENTINGAN PARTI TIDAK BOLEH MELAMPAUI TANGGUNGJAWAB KERAJAAN KEPADA ORANG RAMAI DAN NEGARA, + BELIAU BERKATA.-- LAGI
1744MST 18 04 89

B 8598 A A 0
MAHATHIR-MPHB 4 KUALA LUMPUR R'R'R'

PERDANA MENTERI BERKATA TAWARAN AMBILALIH BAGI SAHAM-SAHAM MPH B OLEH HUME AKAN MENGAKIBATKAN PERUBAHAN DALAM STRUKTUR PEGANGAN SAHAM DALAM MALAYSIAN FRENCH BANK BERHAD DAN MAGNUM FINANCE BERHAD, YANG MASING-MASING MERUPAKAN ANAK SYARIKAT DAN SYARIKAT BERSEKUTU MPH B.

PERANAN BANK NEGARA ADALAH UNTUK HENENTUKAN BAHAWA KELULUSAN AWAL TELAH DIPEROLEHI SEPERTIMANA DIKEHENDAKI DI BAWAH SEKSYEN 23A AKTA BANK DAN SEKSYEN 28A AKTA SYARIKAT KEWANGAN.

+HUME TELAH PUN HEMOHON KELULUSAN YANG DIPERLUKAN SEBELUM MEMBUAT TAWARAN AM TERSEBUT SEPERTIMANA YANG DIKEHENDAKI OLEH UNDANG-UNDANG DAN KELULUSAN TERSEBUT TELAH DIBERIKAN, + DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA.

BELIAU MENAMBAH KATA KELULUSAN SEPERTI ITU AKAN JUGA DIBERIKAN KEPADA MANA-MANA SYARIKAT YANG BAKAL MEMBUAT TAWARAN DAN MEMPUNYAI KREDIBILITI UNTUK MELAKUKANNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MENGENAI KOPERASI SERBAGUNA (MALAYSIA) BERHAD (KSM), BANK NEGARA MEMPUNYAI KEPENTINGAN DALAM TAWARAN AMBILALIH TERSEBUT DAN SEHINGGA INI TELAH MELULUSKAN PINJAMAN BERJUMLAH \$400 JUTA KEPADA KSM DARIPADA SEJUMLAH \$1 RIBU JUTA YANG DILULUSKAN KEPADA SEMUA KOPERASI PENGAMBILAN DEPOSIT (KPD).

BANK NEGARA JUGA TELAH MEMBELANJAKAN \$24.4 JUTA UNTUK PERBELANJAN PENTADBIRAN DAN PERUNDANGAN.-- LAGI
1805MST 18 04 89

0867

B 8600 A A B
MAHATHIR-MPHB 5 KUALA LUMPUR R' R' R'

+KERAJAAN TELAH MENGAMBIL KEPUTUSAN UNTUK MENYELAMATKAN KSM DAN KPD-KPD YANG LAIN WALAUPUN IA SEDAR BAHAWA MASALAH YANG TIMBUL ADALAH DISEBABKAN SALAH PENGURUSAN OLEH BEBERAPA BEKAS PEMIMPIN MCA,+ DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA.

BELIAU BERKATA BERKENAAN KSM, PENANGGUNG TELAH DILANTIK OLEH MAHKAMAH UNTUK MENGURUSKAN SEGALA PERKARA MENGENAINYA.

BELIAU MENAMBAH BAHAWA PENANGGUNG MEMEGANG 28.9 PERATUS SAHAM-SAHAM MPH B DAN 20.9 PERATUS LAGI SAHAM-SAHAM MPH B DI BAWAH AMANAH DAN + TERPULANGLAH KEPADA MEREKA UNTUK MEMUTUSKAN SAMA ADA UNTUK MENERIMA TAWARAN AM TERSEBUT ATAU TIDAK, DENGAN MENGAMBIL KIRA KEPENTINGAN PENYIMPAN-PENYIMPAN KSM+.

+PERTIMBANGAN MEREKA BERGANTUNG SEPENUHNYA KEPADA KEPUTUSAN DAN ANALISIS YANG DIBUAT SECARA PROFESIONAL+, BELIAU BERKATA.

+BANK NEGARA TIDAK MEMAINKAN SEBARANG PERANAN MEMPENGARUHI KEPUTUSAN PIHAK PENANGGUNG+. -- LAGI

1821MST 18 0 4 89

0878

B 8601 A A B
MAHATHIR-MPHB 6 KUALA LUMPUR R' R' R'

SEMENTARA ITU, PRESIDEN MCA DATUK DR LING LIONG SIK BERKATA MCA MENGADAKAN PERTEMUAN DENGAN PERDANA MENTERI HARI INI DAN MENCAPAI +PERSETUJUAN SEPENUHNYA+ MENGENAI CARA MENYELESAIKAN ISU ITU.

DALAM SATU KENYATAAN, DATUK DR LING BERKATA DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERI MCA +SOKONGAN BELIAU YANG SEPENUHNYA+.

PADA AHAD LEPAS PRESIDEN MCA ITU MENYIFATKAN CADANGAN TAWARAN AMBILALIH ITU KONONNYA SEBAGAI +BERUNSUR PERMUSUHAN+, DENGAN KESAN SERIUS KE ATAS MASYARAKAT CINA.

BELIAU BERKATA TAWARAN AMBILALIH ITU +SATU DARIPADA MASALAH GENTING+ YANG DIHADAPI OLEH PARTI YANG TELAH BEBERAPA KALI BERMESYUARAT UNTUK MEMBERI PENJELASAN MENGENAI ISU ITU KEPADA MASYARAKAT CINA.

PADA RABU LEPAS, HUME MENGUMUMKAN IA MENAWARKAN UNTUK MENGAMBIL ALIH KESEMUA SAHAM MPH B, DENGAN MENAWARKAN \$500 TUNAI DAN \$1,000 STOK PINJAMAN TANPA CAGARAN BAGI SETIAP 1,000 SAHAM MPH B . -- BERNAMA
1840MST 18 04 89